

Faktor Mempengaruhi Keckerapan Perpindahan Murid SJKC Ke SK Semasa Pandemik Covid-19 Di Daerah Sibu, Sarawak

(Factors Influencing the Transfer of SJKC Students to SK During the Covid-19 Pandemic in Sibu District, Sarawak)

Sakinah Kipli^{1*}, Mohd Izwan Mahmud¹

¹ Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Malaysia

*Pengarang Koresponden: qss4999@gmail.com

Accepted: 15 February 2022 | Published: 1 March 2022

DOI: <https://doi.org/10.55057/jdpd.2022.4.1.3>

Abstrak: Kebanyakan perpindahan dalam kalangan pelajar berpunca daripada kedua ibu bapa mereka. Kebergantungan hidup mereka terhadap ibu bapa pada usia ini adalah sangat tinggi. Secara khususnya, kajian ini bertujuan untuk mengkaji faktor kesan pandemik Covid-19 terhadap perpindahan murid dari SJK(C) ke SK. Kajian dijalankan dengan berpandukan reka bentuk kajian kuantitatif berbentuk tinjauan. Responden bagi kajian terdiri daripada 80 orang ibu bapa kepada murid-murid yang terlibat dengan perpindahan dari SJKC ke SK dalam daerah Sibu. Data demografi responden telah dianalisis menggunakan perisian SPSS. Hasil mendapati bahawa kebanyakan responden terdiri daripada kaum Bumiputera, sebanyak 72.5%. Tambahan, 61.3% responden mempunyai tahap pengajian sehingga sekolah rendah sahaja dan bekerja sendiri. Nilai min yang melebihi 3.50 bagi item hubungan ibu bapa-anak menunjukkan tiada masalah yang serius dalam hubungan kekeluargaan responden. Manakala, nilai min bagi item persepsi ibu bapa terhadap SJKC mencatatkan nilai min kurang daripada 3.0 bagi konstruk pembelajaran anak. Bagi konstruk pengajaran guru pula nilai min dilihat melebihi 3.0 untuk majoriti item. Selain itu, nilai korelasi Pearson bagi hubungan antara ibu bapa-anak dan persepsi ibu bapa menunjukkan nilai -0.481, iaitu korelasi negatif yang tinggi bagi kedua-dua pemboleh ubah. Kesimpulannya, faktor perpindahan murid dalam era pandemik ini kebanyakannya berpunca daripada latar belakang keluarga masing-masing terutamanya taraf pendidikan ibu bapa.

Kata kunci: perpindahan, pandemik Covid-19, sekolah

Abstract: Most transfers among students stem from both their parents. Their life dependence on parents at this age is very high. The study aimed to examine the impact factors of the Covid-19 pandemic on the transfer of students from SJK (C) to SK. The study was conducted based on the design of a quantitative survey in the form of a survey. Respondents consisted of 80 parents of pupils involved in the transfer from SJKC to SK in Sibu district. Demographic data of respondents were analyzed using SPSS software. The results found that most of the respondents are Bumiputera, at 72.5%. In addition, 61.3% of respondents have a level of education up to primary school only and are self-employed. A mean value exceeding 3.50 for the parent-child relationship item indicates no serious problems in the respondent's family relationship. Meanwhile, the mean value for the item of parents' perception of SJKC recorded less than 3.0 for the child's learning construct. For the teacher's teaching construct, the mean value was seen to be above 3.0 for the majority of items. Moreover, the Pearson correlation value for the parent-child relationship and parental perception showed a value of -0.481, which

is a high negative correlation for both variables. In conclusion, the factor of student migration in this pandemic era is mostly due to the background of their families, especially the educational level of parents

Keywords: transfers, pandemic Covid-19, school

1. Pengenalan

Pandemik COVID-19 telah menyebabkan gangguan sistem pendidikan terbesar dalam sejarah manusia, yang mempengaruhi hampir 1.6 bilion pelajar di lebih dari 200 negara. Penutupan sekolah, institusi dan ruang pembelajaran lain telah memberi kesan kepada lebih daripada 94% populasi pelajar dunia. Hal ini telah membawa perubahan besar dalam semua aspek kehidupan masyarakat sejagat. Dasar pergerakan sosial dan pergerakan yang terhad telah mengganggu amalan pendidikan tradisional. Pembukaan semula sekolah selepas kelonggaran sekatan adalah satu lagi cabaran dengan banyak prosedur operasi standard baru dilaksanakan. Bhutan pertama kali menyatakan penutupan sekolah dan institusi pengajian dan pengurangan waktu perniagaan pada minggu kedua Mac 2020 (Kuensel, 2020). Penutupan seluruh negara telah dilaksanakan mulai 1 Ogos 2020 (Palden, 2020). Lebih daripada 170,000 kanak-kanak di Bhutan dari kelas PP-XII, hari ini, terjejas oleh penutupan sekolah. Kesannya jauh dan telah mempengaruhi pembelajaran pada tahun akademik ini atau lebih banyak lagi pada beberapa hari akan datang. Beberapa sekolah, kolej dan universiti telah menghentikan pengajaran secara bersemuka. Terdapat keperluan mendesak untuk berinovasi dan melaksanakan strategi pendidikan dan penilaian alternatif. Pandemik COVID-19 telah memberi peluang untuk membuka jalan untuk memperkenalkan pembelajaran secara digital (Dhawan, 2020).

Di Malaysia, pandemik ini menyebabkan beberapa institut pengajian tinggi (IPT) negara untuk beralih kepada sistem pembelajaran maya serta membatalkan program-program luar kampus. Di Sarawak, semua sekolah diarahkan ditutup hingga 29 Mac 2020 dan semua IPT di negeri itu ditutup selama dua minggu. Selaras dengan Perintah Kawalan Pergerakan yang bermula pada 18 Mac 2020, semua sekolah, IPT dan pusat pendidikan lain telah diarahkan ditutup hingga 31 Mac 2020. Pada 15 April, pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mengumumkan pembatalan dua buah peperiksaan awam negara, iaitu Ujian Penilaian Sekolah Rendah dan Pentaksiran Tingkatan Tiga bagi tahun 2020.

Selain itu, peperiksaan-peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia, Sijil Vokasional Malaysia dan Peperiksaan Sijil Tinggi Agama Malaysia akan ditunda kepada suku pertama tahun 2021. Bagi Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia, tarikh peperiksaan Semester 2 diubah kepada bulan Ogos 2020, manakala peperiksaan Semester 3 akan diadakan dalam suku pertama tahun 2021.

Semenjak penutupan sekolah dilaksanakan dan pengajaran dan pembelajaran di rumah dilakukan, pengkaji mendapati bahawa banyak permohonan perpindahan sekolah oleh ibu bapa khususnya dari Sekolah Jenis Kebangsaan Cina ke Sekolah Kebangsaan. Oleh itu, tujuan pengkaji melakukan kajian ini ialah untuk mengkaji faktor yang mempengaruhi kekerapan perpindahan murid SJKC ke SK dalam musim pandemik di daerah Sibu.

2. Kajian Literatur

Kajian semasa mempunyai persoalan yang berkaitan dengan isu sosial iaitu berpindah dan turut dikaitkan dengan impak daripada pandemik COVID-19. Terdapat teori sosial yang sesuai dengan situasi atau isu perpindahan murid. Teori sosial yang berkait rapat dengan kajian ini ialah teori fungsionalisme oleh Emile Durkheim. Dalam satu kajian oleh Anto Rusdi (2018), teori fungsionalisme adalah teori yang menyatakan teknikalnya, masyarakat dapat difahami dengan analisis sistem sosial, dan subsistem sosial, dengan pandangan bahawa masyarakat pada dasarnya terdiri daripada bahagian struktur di mana terdapat pelbagai sistem dan faktor yang mempunyai peranan dan fungsi masing-masing, berfungsi antara satu sama lain, dan saling menyokong tujuan agar masyarakat dapat terus wujud. Selain itu, ini juga menunjukkan bahawa perubahan dalam kalangan masyarakat akan memberi kesan kepada kelompok masyarakat yang lain.

Dalam konteks kajian semasa, perubahan serta kesan sosial dalam kalangan masyarakat semasa pandemik COVID-19 secara tidak langsung telah memberi kesan terhadap komuniti dan juga sistem pentadbiran pendidikan. Ini juga bermaksud pemilihan sekolah bergantung kepada tempat tinggal masyarakat tersebut. Jika sesebuah keluarga tinggal berhampiran masyarakat Cina, secara normalnya mereka akan memilih Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) bagi memudahkan proses persekolahan anak-anak. Namun, impak pandemik telah banyak mengganggu pendapatan utama banyak keluarga dan mengakibatkan perpindahan ramai keluarga untuk mencari sumber pendapatan baharu.

Kajian lepas berkaitan dengan kajian semasa yang pertama adalah daripada dua orang pengkaji, Ngien dan Ching (2016) yang bertajuk, “Pembelajaran Bahasa Cina di SJK(C): Kajian kes pelajar Bumiputera di negeri Sarawak”. Dalam kajian ini, pengkaji memberi fokus kepada isu dan cabaran pelajar bumiputera dalam pembelajaran Bahasa Cina, terutamanya di SJK(C), di negeri Sarawak. Sampel dipilih berdasarkan kadar enrolmen pelajar Bumiputera yang lebih tinggi daripada SJKC yang lain. Selain itu, pengkaji telah memastikan pelajar yang memberi respon merupakan pelajar Bumiputera Tahun 6 di setiap sekolah yang terpilih. Setelah membuat analisis daripada data yang dikumpul melalui 8 buah sekolah, pengkaji merumuskan bahawa kefasihan dan latar belakang pelajar Bumiputera dalam mempelajari Bahasa Cina di SJKC mempengaruhi kualiti pembelajaran dan pengajaran guru secara tidak langsung di SJKC. Ini juga menyebabkan kemajuan pelajar dalam subjek lain juga terkesan kerana jika di SJKC, bahasa pengantar yang digunakan guru-guru lazimnya adalah Bahasa Cina. Ini sekaligus membuktikan bahawa perpindahan murid Bumiputera dari SJKC turut dipengaruhi oleh faktor akademik, serta faktor pentadbiran sekolah tersebut.

Seterusnya kajian daripada Zulkefli dan Mustapha (2017) yang bertajuk, “Remaja daripada ibu bapa yang bercerai di Malaysia: Suatu penelitian ekspresi emosi”. Kajian ini berfokus kepada isu perceraian ibu bapa serta kersan terhadap emosi anak-anak, di samping meneliti pengurusan emosi anak dalam menangani masalah tersebut. Sampel kajian ini adalah murid seramai 10 orang daripada dua buah sekolah. Rumusan yang dapat dibuat daripada kajian ini adalah ada dalam kalangan pelajar menerangkan bahawa perpisahan ibu bapa menyebabkan mereka terpaksa memilih untuk berpindah sekolah. Perpindahan sekolah tersebut telah membuatkan emosi mereka terganggu. Oleh demikian, hal ini menunjukkan bahawa perpindahan murid dari satu sekolah ke sekolah yang lain turut dipengaruhi faktor keluarga. Kajian seterusnya dibuat oleh Saputri (2018), bertajuk “Faktor-faktor yang Mempengaruhi Pemilihan Sekolah Dasar dalam Mendukung Kota Surakarta Layak Anak”. Berdasarkan tajuk, kajian ini adalah kajian dijalankan di Indonesia dan telah ditulis menggunakan bahasa

kebangsaan mereka. Objektif kajian ini dijalankan adalah untuk mengenal pasti faktor mempengaruhi pemilihan Sekolah Rendah bagi menyokong Surakarta sebagai bandar mesra kanak-kanak. Kajian dijalankan menggunakan data daripada 161 sampel terdiri daripada ibu bapa atau penjaga murid. Dapatan kajian mendapati bahawa antara faktor berikut, faktor yang paling berpengaruh adalah lokasi sekolah. Lokasi sekolah mempunyai peranan penting dalam memilih sekolah untuk anak-anak. Jika lokasi sekolah memberi impak yang besar, ibu bapa lazimnya memilih sekolah yang terdekat dengan tempat mereka bekerja.

Sementara itu, terdapat kajian di Malaysia yang menyentuh tentang isu sosioekonomi rakyat di Malaysia dan mengaitkannya dengan taraf pendidikan penduduk. Kajian ini dijalankan oleh Saidi, Sino dan Othman (2018) yang bertajuk “Taraf Pendidikan dan Sosio-Ekonomi Penduduk di Kampung Sungai Budor, Kelantan Darul Naim”. Isu yang diutamakan atau diberi tumpuan dalam kajian ini adalah peningkatan sosio-ekonomi rakyat melalui peningkatan kualiti atau taraf pendidikan penduduk. Sampel bagi kajian diambil dengan menggunakan teknik pensampelan bertujuan ke atas 130 orang responden. Kajian ini menunjukkan kepentingan pendidikan kepada penduduk sehingga dalam kajian ini juga ada menyatakan bahawa ada penduduk yang sanggup berpindah dari kampung untuk mendapatkan bantuan atau pekerjaan yang sesuai dengan taraf pendidikan mereka. Apabila penduduk tersebut berpindah, mereka lazimnya akan membawa keluarga berpindah bersama. Oleh itu, anak-anak yang bersekolah juga pastinya akan berpindah sekolah jika kedua ibu bapa atau penjaga berpindah atas urusan kerja atau bertukar pekerjaan.

Dharmalingam dan Rajanthiran (2019) dalam kajian mereka yang bertajuk “Implikasi Status Sosioekonomi Keluarga dan Persekitaran terhadap Keciciran Murid India: Kajian Kes di Puchong” telah menyentuh isu keciciran pelajaran dalam kalangan muird India di Puchong. Kajian mereka mempunyai objektif untuk menfokuskan faktor sosioekonomi dan persekitaran terhadap murid India, mendedahkan kesan keciciran murid India dan mengenal pasti langkah-langkah untuk mengatasi keciciran tersebut. Hasil dapatan menemui bahawa masalah keciciran murid dipengaruhi oleh faktor sosioekonomi keluarga yang kurang memuaskan. Dapatan kajian juga menyatakan bahawa akibat daripada keadaan sosioekonomi keluarga ini menyebabkan murid India ramai berpindah dengan kerap dalam masa bulan. Ini kerana ibu bapa murid ini tidak mampu menampung keluarga di sesuatu tempat dengan keadaan kerja yang terhad dan tidak mempunyai gaji yang lumayan.

Sementara itu, Subra, Abdullah dan Devi (2019) juga telah membuat satu kajian kes yang bertajuk “Pengaruh Sosioekonomi Keluarga Terhadap Keciciran Pelajar-pelajar India: Kajian Kes di Daerah Kuala Muda, Kedah”. Kajian ini telah dilaksanakan bagi meneliti faktor-faktor sosioekonomi keluarga dan komitmen ibu bapa terhadap keciciran pelajar India di daerah Kuala Muda, Kedah. Dapatan kajian ini telah membuktikan bahawa akibat dari keciciran pelajaran membuatkan murid bermasalah dari segi pengurusan emosi dan kelakuan. Antara langkah yang boleh dibuat bagi mengatasi masalah keciciran adalah, peranan kerajaan harus dipertengahan dalam pemberian insentif kepada golongan yang kurang bernasib baik dalam memastikan taraf pendidikan mereka tidak terjejas.

Seterusnya adalah kajian lepas yang berkaitan dengan pandemik COVID-19 yang dikaji oleh Amini (2020) bertajuk, “Dampak Pandemi COVID-19 Terhadap Sektor Pendidikan Terutama bagi Pelajar”. Kajian ini merupakan kajian yang merujuk kepada keadaan semasa yang sedang berlaku di seluruh dunia iaitu pandemic COVID-19 dan turut menerangkan implikasi pandemik tersebut dalam sektor pendidikan. Tujuan kajian ini ialah bagi menjelaskan implikasi dialami oleh pelajar dan ibu bapa dalam pembelajaran semasa pandemik. Antara

implikasi yang diperolehi daripada dapatan kajian ialah ramai murid yang stress kerana tidak dapat mengadaptasi kaedah belajar dalam talian dengan baik. Melihat kepada impak-impak ini, murid memerlukan sokongan yang baik daripada ibu bapa atau penjaga semasa sesi pembelajaran dalam talian. Tetapi, bantuan akademik daripada ibu bapa yang mempunyai taraf pendidikan yang rendah akan mempengaruhi kelancaran pembelajaran murid di rumah. Jadi, dalam konteks kajian semasa, murid bumiputera akan mempunyai masalah untuk memahami pengajaran dalam Bahasa Cina tanpa bantuan daripada orang dewasa di rumah.

Ab. Ghani (2021) turut menjalankan kajian bertajuk “Pandemik COVID-19 dan Norma Baru dalam Pendidikan Malaysia”, yang berlandaskan isu pandemik tetapi di negara Malaysia. Kajian ini bertujuan untuk membincangkan pandemik COVID-19 di Malaysia serta norma baru dalam sistem pendidikan. Antara implikasi terhadap sistem pendidikan ialah peningkatan bilangan pelajar ketinggalan pelajaran kerana masalah logistik, teretus revolusi dalam sistem pendidikan serta melahirkan jurang teknologi maklumat dalam kalangan guru yang sudah berusia. Dalam konteks kajian semasa, implikasi ini memberi tekanan kepada golongan ibu bapa yang kurang bernasib baik dan mengakibatkan mereka tertekan dalam menyediakan peranti yang sepatutnya bagi anak-anak yang masih bersekolah.

Selain itu, terdapat juga kajian yang menyentuh tentang isu serta cabaran PdPR dalam musim pandemik. Misalnya, kajian Thannimalai dan Baloh (2021) yang bertajuk “Cabaran PdPR Bahasa Tamil di Sekolah Luar Bandar”. Kajian ini telah dijalankan dengan objektif untuk dijadikan panduan bagi murid untuk mengikuti PdPR secara optimum dan juga panduan untuk guru untuk melaksanakan PdPR secara berstruktur dan terancang. Cadangan dan cabaran yang telah dianalisis oleh pengkaji menunjukkan bahawa murid dan guru sama-sama menghadapi kesukaran dalam menerima pembelajaran alam baru atau norma baru. Dalam konteks kajian semasa, kegagalan penjaga atau ibu bapa memberi sumbangan atau bantuan terhadap murid yang bersekolah di SJK(C) menyebabkan mereka memilih untuk memindahkan anak ke sekolah kebangsaan yang menggunakan medium Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar dalam pembelajaran subjek-subjek penting, seperti Matematik dan Sains.

Kajian seterusnya ialah kajian daripada El Said (2021) yang bertajuk, “How Did the COVID-19 Pandemic Affect Higher Education Learning Experience? An Empirical Investigation of Learners’ Academic Performance at a University in a Developing Country”. Objektif kajian ini adalah untuk mengkaji pengalaman pembelajaran selepas pertukaran menjejut daripada pembelajaran bersemuka kepada pembelajaran atas talian. Selain itu, kajian ini juga dijalankan untuk menyediakan cadangan bagi penambahbaikan mod pembelajaran atas talian untuk rujukan masa depan. Kajian ini menggunakan perbandingan antara 376 pelajar yang lengkap sesi pembelajaran secara bersemuka dengan 372 pelajar yang lengkap sesi pembelajaran tetapi menggunakan pembelajaran atas talian. Kedua-dua kumpulan pelajar telah melengkapkan kursus yang sama tetapi menggunakan medium pembelajaran yang berbeza. Tambahan, pengkaji juga telah menemu bual seramai 435 pelajar dan beberapa orang profesor tentang pengalaman mereka dalam pembelajaran serta pengajaran menggunakan medium atas talian sepanjang tempoh ‘lockdown’. Hasil dapatan kajian menemui bahawa terdapat perbezaan signifikan dalam gred pelajar yang belajar bersemuka dengan pelajar yang melengkapkan pembelajaran atas talian. Pelajar yang belajar atas talian juga didapati mempunyai masalah atau tekanan emosi kerana terpaksa berhadapan dengan pelbagai masalah logistik di kediaman masing-masing. Jika dilihat dalam konteks kajian semasa, hasil dapatan kajian ini boleh dilihat sebagai impak pandemik COVID-19 dalam sektor pendidikan, tidak mengambil kira pendidikan tinggi atau rendah kerana semua murid sedang melaksanakan pembelajaran atas talian.

Pernyataan Masalah

Perpindahan sekolah dalam kalangan murid sekolah rendah tidak asing lagi pada ketika ini. Pelbagai langkah telah dilakukan untuk mengatasi masalah ini. Permasalahan ini timbul disebabkan oleh beberapa faktor. Jumlah peningkatan perpindahan murid yang meningkat dalam musim pandemik kerana isu keciciran dalam pelajaran terutama murid yang bersekolah di Sekolah Jenis Kebangsaan (Ab Ghani, 2021).

Hal ini bersangkut-paut dengan pengajaran dan pembelajaran di rumah semenjak penutupan sekolah di Malaysia. Ibu bapa tidak dapat membimbing anak-anak dalam pembelajaran di rumah lebih-lebih lagi dalam subjek Sains dan Matematik di mana bahasa pengantar yang digunakan adalah Bahasa Cina. Ini menyebabkan anak-anak tidak mampu mencapai objektif pembelajaran kerana tidak memahami bahasa pengantar yang digunakan iaitu Bahasa Cina yang hanya dapat dipelajari di sekolah oleh guru.

Di samping itu, kebanyakan respon ibu bapa daripada guru tentang perpindahan murid adalah kerana faktor keluarga, faktor sosioekonomi serta faktor pendidikan (Mazlan et. al, 2020). Institusi kekeluargaan yang harmoni merupakan sumber paling penting yang mempengaruhi murid. Institusi keluargalah dimana bermulanya peranan ibubapa mencorak kehidupan anak-anak. Namun, penceraian diantara ibu bapa menyumbang kepada perpindahan pelajar. Kes penceraian yang semakin meningkat terutama pada musim pandemik ini mencetuskan permasalahan dalam akademik murid. Anak-anak yang sedang membesar dalam situasi ini mudah hilang tumpuan dalam pelajaran. Pada usia ini, murid yang merupakan anak memerlukan sokongan penuh daripada keluarga. Hak penjagaan anak-anak yang jatuh sama ada kepada ibu atau bapa memaksa mereka untuk akur berpindah mengikut keadaan semasa.

Pekerjaan ibu bapa berkait rapat dengan perpindahan sekolah dalam kalangan murid. Menurut Johnson (1978), migrasi lebih ketara di kalangan golongan yang berpendidikan kerana mereka berada dalam proses untuk mendapatkan pekerjaan yang bersesuaian dengan kelayakkan mereka. Selain itu, peluang untuk kenaikan pangkat adalah lebih besar jika berada di bandar yang lebih besar kerana faedah dari yang diperoleh dari migrasi adalah lebih tinggi. Disebabkan hal ini, murid terpaksa berpindah mengikut ibu bapa mereka. Sekiranya tidak berpindah sekolah, ibu bapa akan terbeban dengan jarak yang jauh di antara tempat kerja baharu dan sekolah anak-anak.

Faktor pendidikan pula adalah penukaran aliran bahasa dalam pembelajaran. Penukaran aliran ini memberi kesan kepada keputusan pelajaran para murid terutamanya Bahasa Cina ke Bahasa Melayu. Isu penguasaan Bahasa Melayu ini masih berada pada tahap yang kurang memuaskan. Menurut kajian yang dijalankan oleh Norsidah Ab. Hamid, Jamaludin Badusah dan Fairose Sulaiman (2010) dimana membuktikan 89% murid berbangsa Cina berada di tahap yang lemah dalam penguasaan tatabahasa mereka. Mereka beranggapan bahawa mata pelajaran Bahasa Melayu bukanlah mata pelajaran yang mudah untuk dipelajari. Mengadaptasi pertukaran aliran Bahasa dalam masa yang singkat setelah sekian lama digunakan selama ini tidak mudah. Justeru itu, perkara ini telah memberi impak yang negatif kepada penerimaan pembelajaran sesetengah murid. Kebanyakan murid memperoleh keputusan yang kurang memuaskan sehingga mereka mengambil keputusan untuk berpindah ke sekolah yang menggunakan aliran bahasa bersesuaian dengan kehendak.

Tujuan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti faktor kekerapan perpindahan murid SJKC ke SK semasa musim pandemik Covid-19 di Daerah Sibul, Sarawak. Menurut hasil kajian lepas, ibu

bapa cenderung memberi perhatian pada tahap awal pendidikan kerana anak-anak belum mampu untuk berdikari (Jeynes, 2005; Fletcher & Silberbeg, 2006; Englund, Luckner, Whaley, & Egeland, 2004). Fokus pertama ialah pelajar Bumiputera yang belajar di SJK(C) biasanya menghadapi masalah dalam pembelajaran yang berkali ganda berbanding belajar di SK (Ngien & Ching, 2016). Hal ini disebabkan penggunaan bahasa pengantar yang digunakan khususnya dalam subjek Sains dan Matematik. Umum mengetahui bahawa Bahasa Cina merupakan antara bahasa yang paling sukar untuk dipelajari. Malah, apabila pengajaran dan pembelajaran dilakukan di rumah, ibu bapa yang bukan berbangsa Cina juga tidak dapat membimbing anak-anak melakukan tugas yang diberikan. Kesannya sudah pasti pengajaran dan pembelajaran di rumah sangat menyukarkan murid-murid di SJK(C) dan juga ibu-bapa untuk meneruskan pembelajaran mereka sehingga ibu-bapa terpaksa memindahkan anak-anak ke sekolah kebangsaan yang menggunakan Bahasa Melayu yang lebih mudah sebagai bahasa pengantar. Selain itu, pandemik COVID-19 telah mendatangkan impak kepada pekerjaan menyebabkan ramai berpindah untuk mencari pekerjaan baru, seterusnya mengakibatkan perpindahan anak (Ab Ghani, 2021). Hal ini berpunca daripada kegawatan ekonomi yang menyebabkan ramai ibu bapa kehilangan pekerjaan.

Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah untuk :

- i. Mengenalpasti faktor perpindahan murid dari SJKC ke SK di Daerah Sibul
- ii. Mengenalpasti pola hubungan ibu bapa-anak semasa pandemik COVID-19 di SJKC
- iii. Mengenalpasti persepsi ibu bapa terhadap ekosistem pembelajaran di SJKC
- iv. Mengukur hubungan antara persepsi ibu bapa dan hubungan ibu bapa-anak semasa pandemik COVID-19 di SJKC

Persoalan Kajian

Persoalan kajian adalah seperti berikut :

- i. Berapakah jumlah kekerapan perpindahan murid dari SJKC ke SK di Daerah Sibul?
- ii. Apakah faktor perpindahan murid dari SJKC ke SK di Daerah Sibul?
- iii. Apakah persepsi ibu bapa terhadap ekosistem pembelajaran di SJKC?
- iv. Adakah terdapat hubungan antara persepsi ibu bapa dan hubungan ibu bapa-anak semasa pandemik COVID-19 di SJKC?

Hipotesis Kajian

Hipotesis kajian dibina bagi menjawab objektif kajian keempat, iaitu:

Ho1 Tidak terdapat hubungan signifikan antara persepsi ibu bapa dan hubungan ibu bapa-anak semasa pandemik COVID-19 di SJKC.

3. Metodologi Kajian

Reka Bentuk Kajian

Menurut Sukamolson (2007), jenis penyelidikan dapat dikelaskan menjadi 3 kumpulan utama berdasarkan penerapan kajian penyelidikan (kajian berdasarkan aplikasi), objektifnya dalam menjalankan penyelidikan dan jenis maklumat dicari. Jadi, untuk mengukur persoalan kajian ini, pengkaji telah memilih untuk menggunakan kajian kuantitatif. Kajian kuantitatif menurut Creswell dan Creswell (2017), adalah satu jenis kajian yang menerangkan fenomena dengan mengumpulkan data berbentuk angka yang kemudiannya dianalisis menggunakan kaedah berdasarkan matematik (khususnya statistik). Kajian semasa ini sesuai dengan bentuk kajian

kuantitatif seperti huraian Creswell kerana kajian ini melibatkan jumlah data yang berbentuk angka yang banyak, serta perlu dianalisis menggunakan analisis statistik.

Sukamolson (2007) menyatakan terdapat beberapa jenis atau bentuk kajian kuantitatif seperti tinjauan, kajian eksperimental, kajian korelasi dan kuasi-eksperimental. Setelah melihat kepada ciri-ciri kajian, reka bentuk yang paling sesuai ialah kajian kuantitatif berbentuk tinjauan. Ini kerana kajian tinjauan adalah bentuk kajian yang meninjau pandangan sosial mengenai sesuatu isu. Dalam konteks kajian semasa, tinjauan pandangan sosial tertumpu kepada ibu bapa yang mempunyai latar belakang sosial berbeza dan isu bagi kajian ini ialah bagi mengenal pasti faktor yang mempengaruhi perpindahan murid dari SJK(C) ke SK.

Sampel Kajian

Selain itu, Junaidi dan Susanti (2019) turut memberi penerangan mudah tentang tujuan persampelan dalam kajian. Sampel diertikan sebagai satu kumpulan kecil yang diambil daripada populasi yang menjadi tumpuan pengkaji dalam melaksanakan kajian. Oleh itu, sampel bagi kajian ini ialah ibu bapa murid sekolah rendah di Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) yang berpindah ke Sekolah Kebangsaan dalam daerah Sibul. Kaedah persampelan yang tepat ini penting bagi memastikan pengkaji mendapat maklumat yang benar-benar diperlukan bagi membuat ukuran secara menyeluruh ke populasi yang tidak dapat dilakukan. Jika persampelan gagal atau tidak tepat, pengukuran menyeluruh tidak dapat dilakukan ke atas sesuatu populasi. Jenis persampelan yang telah dilakukan pengkaji bagi menentukan sampel adalah persampelan bertujuan. Pengkaji telah memilih sampel mengikut tujuan kajian.

Instrumen Kajian

Alat kajian atau turut disebut sebagai instrumen kajian bagi kajian semasa ini telah direka melalui adaptasi dan disesuaikan dengan mengambil contoh daripada kajian-kajian lepas seperti kajian daripada Wolfe (2018), Sukmaniar, Romli dan Sari (2018), Shaw, Spink dan Chin-Newman (2019) serta Subhi (2020). Satu kajian rintis dijalankan dengan menggunakan borang soal selidik yang telah digubal oleh pengkaji. Terdapat dua jenis soalan dalam borang soal selidik yang digunakan sebagai instrumen kajian, soalan fakta dan soalan pendapat. Kedua-dua bahagian soalan ini dibuat untuk memastikan bahawa data yang diperoleh mampu menjawab persoalan kajian. Kajian rintis ke atas beberapa orang responden dijalankan bagi melihat nilai pekali kebolehpercayaan Cronbach's Alpha melebihi 0.70 untuk borang soal selidik yang telah digubal.

Kaedah Analisis Data

Data yang diperoleh melalui tinjauan dengan menggunakan borang soal selidik dianalisis bagi mendapatkan keputusan yang boleh menjawab persoalan kajian yang telah ditetapkan oleh pengkaji. Kesemua data yang diperoleh melalui kaedah tinjauan dianalisis dengan menggunakan perisian Statistical Package for Social Sciences (SPSS) versi 26. Analisis data yang dilakukan adalah analisis deskriptif. Analisis deskriptif ini penting bagi mengetahui jumlah data yang tepat bagi data demografi responden serta penentuan faktor yang mempengaruhi kekerapan perpindahan murid.

Melalui kajian yang dijalankan oleh Wahab, Muhamad dan Ismail (2019), analisis penerokaan data lazimnya dibuat bertujuan untuk mengenal pasti komponen yang wujud dalam set soal selidik yang dibentuk. Selain itu, dalam kajian mereka turut menyatakan bahawa analisis ini merupakan satu jenis analisis bagi mencapai rumusan dalam pengurangan data yang tidak diperlukan, pemilihan pemboleh ubah yang betul dengan penggunaan hasil ujian dengan teknik multivariat lain untuk memenuhi objektif kajian

semasa. Namun begitu, analisis penerokaan data bagi kajian ini hanya akan dibuat setelah pengkaji membuat kajian rintis terhadap tinjauan menggunakan borang soal selidik yang telah diadaptasi dan ditambah baik daripada borang soal selidik yang sedia ada.

4. Dapatan Kajian

Demografi

Data demografi yang diperolehi daripada responden mengandungi maklumat-maklumat penting seperti; hubungan responden dengan murid yang berpindah, jantina, kaum, tahap pendidikan, status bekerja, sektor pekerjaan, jenis pekerjaan, pendapatan kasar, kelas murid serta lokasi sekolah. Maklumat bagi semua data responden ini akan digunakan bagi menjawab faktor perpindahan murid dari SJKC ke SK di Daerah Sibul. Data bagi semua item telah dianalisis menggunakan perisian SPSS versi 26.

Jantina

Jadual 1 di bawah menunjukkan data demografi responden mengikut jantina. Berdasarkan jadual, terdapat 50 orang responden perempuan, bersamaan dengan 62.5%. Manakala, hanya terdapat 30 orang sahaja responden lelaki bersamaan dengan 37.5%. Data ini menunjukkan bahawa responden yang mengisi kebanyakannya adalah golongan ibu kepada murid-murid yang terlibat.

Jadual 1: Data Jantina Responden

JANTINA					
		Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid	LELAKI	30	37.5	37.5	37.5
	PEREMPUAN	50	62.5	62.5	100.0
	Total	80	100.0	100.0	

Kaum

Jadual 2 di bawah menunjukkan analisis data mengikut kaum bagi responden yang telah menyertai soal selidik yang berkaitan perpindahan murid dari SJKC ke SK di Daerah Sibul. Kaum yang menunjukkan peratusan paling rendah bagi permohonan perpindahan ialah kaum Cina sebanyak 10%, bersamaan dengan 8 responden. Kaum kedua yang menunjukkan peratusan yang rendah ialah kaum Melayu, sebanyak 17.5%, bersamaan dengan 14 responden. Kaum lain-lain yang terdiri daripada kaum Melanau, Iban, Bidayuh, Kadazan dan juga Dusun mencatatkan peratusan yang paling tinggi, sebanyak 72.5%, bersamaan dengan 58 responden. Responden yang memilih kaum lain-lain telah diminta untuk memberi maklumat tentang kaum mereka melalui borang soal selidik yang sama. Ini menunjukkan bahawa kebanyakan murid yang berpindah berasal dari kaum lain-lain yang berada di Sibul.

Jadual 2: Data Kaum Responden

KAUM					
		Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid	MELAYU	14	17.5	17.5	17.5
	CINA	8	10.0	10.0	27.5
	LAIN-LAIN	58	72.5	72.5	100.0
	Total	80	100.0	100.0	

Tahap Pendidikan

Jadual 3 di bawah menunjukkan data bagi tahap pendidikan responden. Data menunjukkan bahawa hanya seorang responden bersamaan dengan 1.3% daripada keseluruhan responden adalah tidak bersekolah. Terdapat 49 orang responden, bersamaan dengan 61.3% mempunyai tahap pengajian sekolah rendah dan selebihnya 30 orang atau 37.5% mempunyai tahap pendidikan sehingga pengajian tinggi. Ini menunjukkan bahawa ramai di antara responden tidak mempunyai tahap pengajian atau pendidikan yang tinggi.

Jadual 3: Data Tahap Pendidikan Responden

		TAHAP PENDIDIKAN			
		Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid	TIDAK BERSEKOLAH	1	1.3	1.3	1.3
	SEKOLAH RENDAH	49	61.3	61.3	62.5
	PENGAJIAN TINGGI	30	37.5	37.5	100.0
	Total	80	100.0	100.0	

Status Pekerjaan

Jadual 4 di bawah menunjukkan status pekerjaan responden yang terlibat sama ada bekerja atau tidak bekerja di musim pandemik COVID-19 di Malaysia. Melalui analisis soal selidik, didapati bahawa hanya 18.8%, iaitu seramai 15 orang responden sahaja yang tidak mempunyai pekerjaan atau tidak bekerja. Selebihnya, seramai 65 orang atau 81.3% responden mempunyai pekerjaan.

Jadual 4: Data Status Pekerjaan Responden

		STATUS PEKERJAAN			
		Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid	BEKERJA	65	81.3	81.3	81.3
	TIDAK BEKERJA	15	18.8	18.8	100.0
	Total	80	100.0	100.0	

Sektor Pekerjaan

Merujuk kepada Jadual 5, kebanyakan responden pernah bekerja atau sedang bekerja dalam sektor kerajaan, swasta serta ada yang bekerja sendiri. Namun begitu, terdapat juga responden yang tidak melengkapkan maklumat bagi sektor pekerjaan dan dilabel sebagai tiada maklumat dalam jadual di bawah. Data menunjukkan bahawa responden kebanyakannya bekerja dalam sektor kerajaan, isitu sebanyak 46.3% atau serakai 37 orang. Manakala sektor swasta dan bekerja sendiri pula mencatatkan biangan peratusan yang sama bagi kedua-duanya iaitu sebanyak 26.3% atau 21 orang.

Jadual 5: Data Sektor Pekerjaan Responden

SEKTOR PEKERJAAN		Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid	TIADA MAKLUMAT	1	1.3	1.3	1.3
	KERAJAAN	37	46.3	46.3	47.5
	SWASTA	21	26.3	26.3	73.8
	BEKERJA SENDIRI	21	26.3	26.3	100.0
	Total	80	100.0	100.0	

Jantina Bagi Sektor Pekerjaan Responden

Bagi melihat jumlah responden yang bekerja dalam pelbagai sektor mengikut jantina masing-masing, satu analisis telah dibuat melalui SPSS yang berfokus kepada jantina responden. Hasil analisis boleh dilihat melalui Jadual 6 di bawah.

Jadual 6: Analisis Jantina Bagi Sektor Pekerjaan Responden

SEKTOR PEKERJAAN		JANTINA (frekuensi)	
		LELAKI	WANITA
Valid	TIADA MAKLUMAT	0	1
	KERAJAAN	11	26
	SWASTA	15	6
	BEKERJA SENDIRI	4	17
	Total	30	50

Melalui analisis yang dibuat dalam jadual 6 di atas, responden wanita adalah antara responden yang tidak memberi maklumat tentang sektor pekerjaan dalam borang soal selidik yang diberikan. Selain itu, berdasarkan jumlah keseluruhan responden lelaki, kebanyakan responden bekerja dalam sektor swasta, seramai 15 orang. Manakala, hanya 4 orang sahaja responden lelaki yang bekerja sendiri daripada 30 orang responden lelaki. Bagi responden wanita pula, kebanyakannya bekerja dalam sektor kerajaan iaitu 26 orang daripada 50 orang responden wanita. Manakala, responden wanita yang bekerja sendiri adalah seramai 17 orang sahaja. Jadual turut menunjukkan bahawa hanya 6 orang responden wanita yang bekerja dalam sektor swasta.

Pendapatan Responden

Jadual 7 menunjukkan data pendapatan responden yang terlibat dengan soal selidik. Data menunjukkan bahawa sebanyak 39 responden, bersamaan dengan 48.8% mempunyai pendapatan RM1000 hingga RM3000. Manakala, 21 responden bersamaan dengan 26.3% mempunyai pendapatan RM3000 hingga RM6000 ke atas. Data juga merekodkan sebanyak 5 orang responden, iaitu sebanyak 6.3% sahaja yang berpendapatan RM6000 dan ke atas. Bagi yang berpendapatan kurang RM1000 dan tiada pendapatan pula direkodkan sebanyak 15 orang atau 18.8% daripada keseluruhan responden. Berdasarkan data yang dianalisis, hampir separuh daripada responden mempunyai pendapatan yang agak rendah.

Jadual 7: Data Pendapatan Responden

PENDAPATAN					
		Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid	TIADA PENDAPATAN	8	10.0	10.0	10.0
	KURANG RM1000	7	8.8	8.8	18.8
	RM1000-RM3000	39	48.8	48.8	67.5
	RM3000-RM6000	21	26.3	26.3	93.8
	RM6000 KE ATAS	5	6.3	6.3	100.0
	Total	80	100.0	100.0	

Lokasi Sekolah

Jadual 8 di bawah menunjukkan 54 orang atau 67.5% responden bersekolah di kawasan bandar. Manakala 22 orang atau 27.5% responden memilih lokasi sekolah di kawasan luar bandar. Seterusnya hanya 4 orang atau 5% responden memilih lokasi sekolah di pedalaman. Lokasi sekolah yang dipilih ini bermaksud, sekolah SJKC tempat di mana responden pernah bersekolah.

Jadual 8: Data Lokasi Sekolah

LOKASI SEKOLAH					
		Frequency	Percent	Valid Percent	Cumulative Percent
Valid	BANDAR	54	67.5	67.5	67.5
	LUAR BANDAR	22	27.5	27.5	95.0
	PEDALAMAN	4	5.0	5.0	100.0
	Total	80	100.0	100.0	

Kekerapan Perpindahan Murid

Bagi menjawab persoalan kajian yang pertama tentang jumlah kekerapan perpindahan murid di Daerah Sibu, pengkaji memilih untuk mendapatkan data permohonan perpindahan murid daripada pegawai di Pejabat Pendidikan Daerah Sibu. Data tersebut telah dijelaskan dalam bentuk jadual seperti Jadual 9 di bawah.

Jadual 9: Data Permohonan Tukar Aliran Sekolah

JUMLAH PERMOHONAN TUKAR ALIRAN					
2016	2017	2018	2019	2020	2021
32	26	37	39	52	120

Seperti ditunjukkan dalam jadual di atas, pada tahun 2016, terdapat 32 permohonan pertukaran aliran telah dibuat oleh ibu bapa daripada SJKC ke SK dan jumlah permohonan menurun sedikit pada tahun 2017. Namun begitu kadar permohonan mula meningkat semula pada tahun 2018, iaitu sebanyak 37 permohonan dan terdapat 39 permohonan telah dibuat oleh ibu bapa bagi menukar aliran sekolah daripada SJKC ke SK, pada tahun 2019. Manakala, pada tahun

2020 jumlah permohonan menaik sedikit kepada 52 permohonan sahaja disebabkan banyak pejabat ditutup kesan daripada Perintah Kawalan Pergerakan yang wujud pada tahun tersebut akibat penularan wabak COVID-19. Seterusnya, pada tahun 2021 jumlah permohonan meningkat satu kali ganda iaitu sebanyak 120 permohonan pertukaran aliran telah dibuat. Melalui data yang telah dikutip sehingga 9 Disember 2021 tersebut, semakin ramai murid yang terdiri dari kaum bumiputera memilih untuk belajar di sekolah kebangsaan sahaja.

Hubungan Ibu Bapa Dan Anak

Bagi mengkaji hubungan antara ibu bapa dan anak sebagai salah satu faktor perpindahan, terdapat 6 item yang telah dibuat serta diletakkan dalam borang soal selidik. Skala Likert yang digunakan bagi soal selidik ini bermula daripada 1 (Sangat tidak setuju) sehingga 5 (sangat setuju). Data deskriptif bagi item-item tersebut ditunjukkan dalam Jadual 10 dibawah.

Jadual 10: Analisis Item Hubungan Ibu Bapa Dan Anak

	Statistik Deskriptif				
	N	Minimum	Maksimum	Min	Sisihan Piawai
1. Saya kurang memahami perkembangan anak terutama sesi PdPR anak.	80	1	5	3.50	1.369
2. Saya meletakkan harapan terlalu tinggi kepada anak dalam menguasai Bahasa Cina dan penglibatan dalam PdPR sehingga mengakibatkan anak tertekan.	80	1	5	3.48	1.340
3. Saya sukar menerima cadangan dan luahan masalah anak semasa sesi PdPR dan mengakibatkan anak memberontak.	80	1	5	2.97	1.368
4. Saya terlalu tegas sehingga menyebabkan anak-anak melawan arahan saya sebagai Ibu Bapa / Penjaga dalam menyiapkan tugas PdPR.	80	1	5	3.00	1.331
5. Ibu bapa / penjaga tidak mempunyai kesefahaman dalam mengurus pembelajaran anak-anak semasa sesi PdPR.	80	1	5	3.16	1.427
6. Ibu dan bapa tidak mempunyai hubungan yang baik atau sudah berpisah sehingga menyebabkan anak tertekan semasa PdPR di musim pandemik.	80	1	5	2.18	1.394
Valid N (listwise)	80				

Berdasarkan min yang ditunjukkan dalam jadual di atas, item 6, (Ibu dan bapa tidak mempunyai hubungan yang baik atau sudah berpisah sehingga menyebabkan anak tertekan semasa PdPR di musim pandemik) mempunyai min yang paling rendah iaitu 2.18 dan menunjukkan bahawa ramai responden tidak setuju dengan pernyataan tersebut. Manakala item 1, (Saya kurang memahami perkembangan anak terutama sesi PdPR anak) menunjukkan bilangan min sebanyak 3.50 yang menunjukkan bahawa responden kebanyakannya hanya

kurang bersetuju dengan pernyataan dalam item tersebut. Hasil daripada analisis item di atas menunjukkan bahawa ibu bapa tidak mempunyai masalah dalam perhubungan dengan anak sehingga mengakibatkan perpindahan murid.

Persepsi Ibu Bapa

Bagi mengkaji persepsi sebagai salah satu faktor perpindahan, terdapat 17 item yang telah dibuat serta diletakkan dalam borang soal selidik. 17 item tersebut kemudiannya dibahagikan kepada 2 konstruk; pembelajaran anak dan pengajaran guru di SJKC. Data deskriptif bagi item-item tersebut ditunjukkan dalam Jadual 11 dan 12 dibawah.

Jadual 11: Analisis Item Konstruk Pembelajaran Murid

Statistik Deskriptif					
	N	Minimum	Maksimum	Min	Sisihan Piawai
1. Anak dapat mengikuti segala aktiviti PdPR di SJKC dengan baik.	80	1	5	2.79	1.198
2. Anak mempunyai minat dalam menyiapkan tugas yang menggunakan medium Bahasa Cina semasa PdPR.	80	1	5	2.55	1.221
3. Sistem pengajaran dan pembelajaran di SJKC dapat membantu anak memahami pembelajaran semasa PdPR.	80	1	5	2.69	1.109
4. Anak mampu menyiapkan semua tugas yang menggunakan medium Bahasa Cina dengan baik.	80	1	5	2.39	1.206
5. Anak boleh memahami arahan yang digunakan oleh guru dalam berinteraksi semasa PdPR.	80	1	5	2.82	1.077
6. Anak boleh menggunakan Bahasa Cina dengan sebaiknya dalam sesi PdPR semasa bersekolah di SJKC.	80	1	5	2.50	1.191
7. Anak menguasai kemahiran membaca dan menulis dalam Bahasa Cina dengan baik.	80	1	5	2.55	1.066
8. Anak mudah memahami pembelajaran dalam Bahasa Cina secara atas talian.	80	1	5	2.15	1.045
9. Ibu bapa / penjaga fasih berbahasa Cina.	80	1	5	1.70	1.237
10. Saya dapat membimbing anak dengan baik semasa PdPR berlangsung.	80	1	5	2.45	1.190
11. Saya menguasai kemahiran membaca dan menulis dalam Bahasa Cina dengan baik.	80	1	5	1.55	1.042
12. Saya dapat membimbing anak untuk menyiapkan tugas sekolah di SJKC dengan berkesan.	80	1	5	2.28	1.169
Valid N (listwise)	80				

Berdasarkan Jadual 11 di atas, analisis data bagi item-item menunjukkan banyak item yang mendapat min kurang daripada 3.0. Ini bermaksud ramai responden yang kurang setuju, tidak setuju serta sangat tidak setuju dengan kebanyakan item yang diberi. Antara item yang mendapat min kurang daripada 2.0 ialah, item nombor 9, (Ibu bapa / penjaga fasih berbahasa Cina) dan 11 (Saya menguasai kemahiran membaca dan menulis dalam Bahasa Cina dengan baik). Ini menunjukkan bahawa ramai responden yang terdiri daripada ibu bapa atau penjaga tidak menguasai kemahiran berbahasa Cina dan seterusnya menjadi salah satu sebab atau faktor bagi persepsi ibu bapa terhadap sekolah aliran Bahasa Cina berubah. Persepsi tersebut seterusnya mengakibatkan mereka mengambil keputusan untuk memohon pertukaran aliran serta berpindah ke sekolah kebangsaan yang menggunakan Bahasa Melayu sebagai medium perantaraan di sekolah dan dalam pembelajaran murid.

Selain itu, terdapat banyak item yang mempunyai min kurang daripada 2.50. Antara item yang terlibat ialah item 4, (Anak mampu menyiapkan semua tugas yang menggunakan medium Bahasa Cina dengan baik), item 6 (Anak boleh menggunakan Bahasa Cina dengan sebaiknya dalam sesi PdPR semasa bersekolah di SJKC), item 8, (Anak mudah memahami pembelajaran dalam Bahasa Cina secara atas talian), item 10 (Saya dapat membimbing anak dengan baik semasa PdPR berlangsung) dan item 12 (Saya dapat membimbing anak untuk menyiapkan tugas sekolah di SJKC dengan berkesan). Melalui pernyataan dalam item-item yang telah dinyatakan kebanyakan responden mengalami masalah dalam membimbing dan membantu anak-anak menyiapkan tugas hasil kerana tugas telah diberi dalam Bahasa Cina. Selain itu, item juga menunjukkan bahawa anak-anak mereka mengalami masalah pembelajaran dengan menggunakan medium Bahasa Cina di SJKC secara tidak langsung mengakibatkan mereka untuk sukar memahami pembelajaran yang berlangsung secara alam maya bersama guru-guru.

Jadual 12: Analisis Item Konstruk Pengajaran Guru Di SJKC

	Deskriptif Statistik				
	N	Minimum	Maksimum	Min	Sisihan Piawai
13. Guru-guru SJKC sering memberi kerjasama yang baik berkaitan pembelajaran anak.	80	1	5	3.65	1.032
14. Wujud hubungan baik antara guru SJKC dengan ibu bapa / penjaga.	80	1	5	3.64	1.070
15. Kerja rumah yang diberikan kepada murid / anak adalah sesuai.	80	1	5	3.40	1.109
16. Guru SJKC dapat menarik minat anak saya untuk belajar dengan gigih semasa PdPR berlangsung.	80	1	5	2.89	1.091
17. Guru-guru SJKC sentiasa membantu murid / anak saya untuk kecemerlangan dalam pembelajaran.	80	1	5	3.54	1.169
Valid N (listwise)	80				

Namun begitu, jika dilihat dalam Jadual 12 di atas, responden memberi respon yang baik bagi kebanyakan item dalam konstruk pengajaran guru di SJKC kerana kebanyakan item

berhubung dengan guru telah mendapat min lebih daripada 3.0, menunjukkan bahawa ramai responden setuju dengan pernyataan dalam item tersebut. Antara item yang berkaitan ialah item 13 (Guru-guru SJKC sering memberi kerjasama yang baik berkaitan pembelajaran anak), item 14, (Wujud hubungan baik antara guru SJKC dengan ibu bapa / penjaga), item 15, (Kerja rumah yang diberikan kepada murid / anak adalah sesuai) dan item 17 (Guru-guru SJKC sentiasa membantu murid / anak saya untuk kecemerlangan dalam pembelajaran). Terdapat satu item yang mempunyai min kurang daripada 3.0 serta menunjukkan bahawa ramai responden kurang setuju dengan pernyataan dalam item tersebut iaitu item 16 (Guru SJKC dapat menarik minat anak saya untuk belajar dengan gigih semasa PdPR berlangsung).

Ini menunjukkan bahawa responden sebagai ibu bapa secara tidak langsung menyampaikan bahawa guru-guru di SJKC tidak dapat menarik minat anak mereka untuk belajar dengan baik semasa PdPR berlangsung.

Hubungan Antara Persepsi Ibu Bapa Dan Hubungan Ibu Bapa-Anak Semasa Pandemik Covid-19 Di SJKC


Satu analisis menggunakan korelasi Pearson telah dibuat bagi menganalisis hubungan antara persepsi ibu bapa dan hubungan ibu bapa-anak. Jadual 13 di bawah menunjukkan hasil analisis data tersebut.

Jadual 13: Analisis Hubungan Antara Persepsi Ibu Bapa Dan Hubungan Ibu Bapa-Anak

Korelasi			
		Hubungan Ibu Bapa-Anak	Persepsi Ibu Bapa
Hubungan Ibu Bapa-Anak	Korelasi Pearson	1	-0.481**
	Sig. (2-tailed)		0.000
	N	80	80
Persepsi Ibu Bapa	Korelasi Pearson	-0.481**	1
	Sig. (2-tailed)	0.000	
	N	80	80

** . Korelasi signifikan pada tahap 0.01 (2-tailed).

Berdasarkan Jadual 13 di atas, nilai korelasi Pearson bagi hubungan ibu bapa-anak dan persepsi ibu bapa adalah pada -0.481. Nilai korelasi Pearson ini menunjukkan korelasi negatif yang tinggi antara hubungan ibu bapa-anak dan persepsi ibu bapa. Nilai korelasi signifikan bagi analisis adalah $p < 0.01$. Oleh itu, hasil analisis ini adalah selarasa dengan pandangan Deng, Deng dan Cheong (2021), korelasi negatif yang tinggi ini memberi petunjuk bahawa semakin meningkat nilai pada paksi X, semakin menurun nilai yang ditunjukkan pada paksi Y. Ini memberi maksud bahawa hubungan ibu bapa-anak semakin menurun apabila persepsi ibu bapa terhadap SJKC meningkat atau semakin baik. Korelasi negatif yang kuat ini boleh dilihat dalam bentuk graf scatterplot seperti ditunjukkan dalam carta 1 di bawah.



Carta 1: Carta Graf Scatterplot Bagi Korelasi Hubungan Ibu Bapa-Anak Dan Persepsi Ibu Bapa

Rumusannya, jumlah kekerapan permohonan aliran yang juga disifatkan sebagai kekerapan perpindahan murid dari SJKC ke SK telah meningkat pada tahun 2021 sebagai satu kali ganda berbanding tahun sebelumnya. Selain itu, terdapat beberapa faktor yang telah dikenalpasti melalui analisis data demografi responden. Antaranya ialah faktor latar belakang keluarga yang kebanyakannya melibatkan sosio-ekonomi keluarga murid. Selain itu, hasil analisis data hubungan ibu bapa dan murid menunjukkan bahawa ibu bapa tidak mempunyai masalah dengan anak-anak mereka. Namun demikian, persepsi ibu bapa atau penjaga terhadap SJKC adalah tidak memuaskan berdasarkan bilangan min yang ditunjukkan pada jadual.

5. Perbincangan Kajian

Jumlah Kekerapan Perpindahan Murid dari SJKC ke SK

Seperti yang telah dinyatakan dalam bab sebelumnya, terdapat peningkatan sebanyak satu kali ganda iaitu sebanyak 120 permohonan bagi perpindahan atau permohonan pertukaran aliran dari SJKC ke SK dalam tahun 2021. Kekerapan perpindahan yang berlaku di Daerah Sibuluh ini disokong dengan kajian yang melibatkan SJKT yang telah dibuat oleh Thannimalai dan Baloh (2021).

Pengkaji-pengkaji ini telah membincangkan isu kekerapan perpindahan yang sama pada tahun 2021 tetapi dalam konteks Bahasa Tamil. Mereka menyifatkan bahawa kekerapan perpindahan berpunca daripada kesukaran murid menerima pembelajaran norma baharu menggunakan bahasa yang bukan bahasa ibunda mereka. Konteks ini boleh diaplikasikan dalam masalah kekerapan perpindahan murid dari SJKC ke SK kerana mereka memilih untuk berpindah ke sekolah kebangsaan yang menggunakan aliran Bahasa Melayu yang lebih mudah

difahami oleh murid dan juga ibu bapa. Oleh itu, dengan adanya data kekerapan perpindahan murid ini telah menjawab persoalan kajian tentang jumlah kekerapan perpindahan murid dari SJKC ke Sk dalam Daerah Sibiu.

Faktor Perpindahan Murid dari SJKC ke SK di Daerah Sibiu

Bagi menjawab persoalan kedua kajian iaitu faktor perpindahan murid dari SJKC ke SK di Daerah Sibiu, pengkaji telah membuat analisis daripada respon responden bagi soal selidik yang telah dijalankan. Hasil keseluruhan bagi analisis menunjukkan bahawa antara faktor yang mempengaruhi perpindahan murid ialah latar belakang keluarga murid itu sendiri. Ini kerana berdasarkan analisis data demografi responden, terdapat ramai responden yang terdiri daripada golongan bumiputera Sarawak dan juga Sabah seperti Melanau, Iban, Bidayuh serta Kadazan dan Dusun. Ini turut disokong oleh Ngien dan Ching (2016) dalam kajian mereka yang menyatakan bahawa kefasihan dan latar belakang pelajar Bumiputera di SJKC mempengaruhi kualiti pembelajaran dan pengajaran guru secara tidak langsung menyukarkan mereka untuk mengikuti pembelajaran dengan baik sama ada di dalam kelas atau semasa pembelajaran dari rumah. Latar belakang keluarga yang turut memberi impak kepada perpindahan murid ialah dari segi sosio-ekonomi keluarga. Melalui data demografi yang telah diperolehi, lebih separuh daripada responden iaitu seramai 49 orang mempunyai tahap pendidikan sehingga sekolah rendah dan ramai juga yang mempunyai pendapatan RM1000 hingga RM3000 sahaja. Data ini disokong oleh kajian yang telah dibuat oleh Saidi, Sino dan Othman (2018) yang menyatakan bahawa perpindahan penduduk biasanya dikaitkan dengan tahap pendidikan dan sosio-ekonomi seseorang itu. Jadi, melihat kepada data yang telah diperolehi menjadikan kajian ini mengambil kira faktor latar belakang keluarga sebagai salah satu faktor perpindahan murid.

Namun demikian, faktor yang kedua iaitu hubungan ibu bapa dan anak telah dikenal pasti sebagai tidak menunjukkan perkaitan dengan perpindahan murid. Ini kerana min yang ditunjukkan hasil daripada analisis tidak merujuk kepada sebarang masalah dalam hubungan kekeluargaan mereka.

Oleh itu, faktor ini tidak disokong oleh kajian daripada Zulkefli dan Mustapha (2017) yang mengambil kira emosi anak bersama ibu bapa yang mempunyai masalah rumahtangga. Menurut pengkaji-pengkaji tersebut, masalah rumahtangga yang berlarutan menyebabkan hubungan dengan anak semakin teruk dan mengakibatkan perpisahan. Perpisahan ibu bapa tersebut yang mengakibatkan murid terpaksa berpindah mengikut ibu atau bapa. Namun begitu, kajian terkini tidak menunjukkan sebarang hubungan daripada masalah ibu bapa dan anak. Ini juga bermaksud, responden yang terlibat tidak mempunyai masalah rumah tangga dan sentiasa mengambil berat tentang pembelajaran anak-anak.

Faktor ketiga iaitu persepsi ibu bapa telah dikenal pasti sebagai faktor yang memberi kesan terhadap perpindahan murid dari SJKC ke SK. Ini kerana melalui analisis data yang telah dibuat menunjukkan bahawa ibu bapa mempunyai masalah membimbing dan membantu anak dalam proses pembelajaran kerana tidak mempunyai kemahiran berbahasa Cina dengan baik. Ini juga turut disokong oleh satu kajian daripada Amini (2020) yang menyebut tentang kepentingan bimbingan dan solongan daripada ibu bapa semasa pembelajaran norma baharu yang bersifat alam maya. Jika ibu bapa tidak mempunyai kemahiran yang diperlukan untuk membantu atau membimbing anak-anak, nescaya anak-anak akan mengalami kesukaran dalam kelancaran pembelajaran murid dari rumah masing-masing. Selain itu, analisis turut menunjukkan bahawa ramai juga ibu bapa yang kurang berpuas hati dengan cara guru dalam menarik minat anak-anak untuk mengikuti pembelajaran semasa sesi pembelajaran dari rumah

berlangsung. Masalah yang berpunca dari guru ini turut disokong oleh satu kajian daripada Ab. Ghani (2021) yang menyatakan bahawa terdapat satu jurang teknologi maklumat dalam kalangan guru terutamanya guru yang berusia. Ini turut menunjukkan bahawa guru-guru di SJKC yang terlibat perlu menambah baik sesi pembelajaran dari rumah bagi murid-murid mereka.

Hubungan Antara Persepsi Ibu Bapa Dan Hubungan Ibu Bapa-Anak Semasa Pandemik COVID-19 Di SJKC

Berdasarkan analisis korelasi yang telah dibentangkan dalam bab sebelum ini, korelasi hubungan ibu bapa-anak dan persepsi ibu bapa terhadap SJKC telah dirumuskan sebagai mempunyai hubungan negatif yang sangat kuat atau tinggi. Selain itu, analisis statistik inferens yang dibuat dengan menggunakan korelasi Pearson menunjukkan tahap signifikan atau keertian bersamaan dengan 0.01.

Deng, Deng dan Cheong (2021) memberi pengertian dalam kajian mereka bahawa hipotesis kajian mendapat kemungkinan untuk ditolak dengan melihat kepada nilai tahap signifikan dengan nilai yang tinggi atau besar. Dengan melihat kepada nilai korelasi Pearson bagi hubungan ibu bapa-anak dan persepsi ialah -0.481, iaitu kurang daripada nilai signifikan 0.01 bermaksud hipotesis bagi kajian ini adalah diterima. Ini turut membuktikan bahawa tidak terdapat hubungan signifikan antara hubungan ibu bapa-anak dengan persepsi ibu bapa terhadap pembelajaran anak di SJKC dalam Daerah Sibul.

Implikasi Kajian

Implikasi Terhadap Teori

Implikasi kajian terhadap teori fungsionalisme oleh Emile Durkheim dapat dilihat dan dibuktikan melalui data demografi yang diperolehi daripada responden. Teori fungsionalisme menyasarkan serta memberi penekanan terhadap analisis sistem sosial dalam masyarakat sekeliling. Melalui kajian ini, teori dapat dibuktikan bahawa sistem sosial telah mengakibatkan para responden yang terdiri daripada ibu bapa terkesan dengan taraf sosial mereka dan seterusnya memberi impak terhadap pembelajaran anak-anak mereka. Ibu bapa yang terkesan dengan taraf sosial mereka sudah tentunya ibu bapa yang mempunyai taraf pendidikan yang rendah. Ini kerana mereka berasa tercabar dan inginkan pendidikan yang lebih baik buat anak-anak. Oleh itu, ibu bapa ini akan berusaha mencari sekolah yang terbaik dan mampu memberikan suasana pembelajaran yang lebih optimum bagi anak-anak mereka. Ini sekali gus memberi mereka peluang untuk mencari pekerjaan yang lebih menjamin bagi memperbaiki taraf sosial mereka dalam kalangan masyarakat.

Implikasi Praktis

Pandemik COVID-19 telah memberi banyak pengaruh terhadap perubahan prosedur standard operasi dalam pelbagai bidang terutamanya pendidikan. Dalam bidang pendidikan dapat dilihat melalui guru memberi tugas PdPR dari rumah dan murid melengkapkan tugas tersebut di rumah masing-masing. Guru disarankan memberi tumpuan untuk bidang atau kemahiran yang mudah untuk murid laksanakan di rumah dan perlu lebih kreatif dan berinovasi dalam sesi PdPR. Sementara itu, ibu bapa juga memainkan peranan yang penting sepanjang fasa pandemik. Peranan penting daripada ibubapa apabila berada di rumah bersama anak dan memantau pembelajaran anak serta tugas yang diberi oleh guru secara talian PdPR. Secara mudah, ibu bapa seharusnya mengambil peranan dalam memastikan anak-anak mereka tidak ketinggalan dan ibubapa perlu memasuki kelas dalam talian bersama anak mereka bagi memastikan anak sentiasa dibimbing oleh ibubapa semasa melakukan PdPR di rumah bersama guru secara talian.

Pandemik COVID-19 turut memberi kesan kepada bidang pengurusan pendidikan khususnya kepada prosedur proses pertukaran aliran bahasa dari Bahasa Cina ke Bahasa Melayu. Ibu bapa yang mula menyedari kelemahan anak dalam bidang akademik yang belajar menggunakan aliran Bahasa Cina semasa musim pandemik ini menyebabkan ramai ibu bapa mengambil tindakan memindahkan anak ke sekolah kebangsaan dari sekolah Jenis Kebangsaan Cina bagi memastikan anak-anak lebih mudah belajar menggunakan bahasa melayu. Oleh itu, keadaan ini membawa kesan kepada pihak Pejabat Pendidikan Daerah (PPD), Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) dan seterusnya kepada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

Hal ini kerana, banyak prosedur yang perlu ditempuhi oleh ibu bapa yang bertekad untuk memohon pertukaran aliran bahasa pengantar untuk anak mereka. Antara prosedur yang perlu dilalui untuk permohonan pertukaran aliran bahasa ialah yang pertama ibu bapa perlu pergi ke sekolah yang dipohon untuk mengisi borang permohonan pertukaran aliran bahasa pengantar dengan menyediakan dokumen lengkap termasuk semua keputusan akademik anak semasa di SJKC dan semua dokumen perlu disahkan oleh pihak pentadbir sekolah SJKC. Kemudian permohonan ini perlu dihantar ke Pejabat Pendidikan Daerah untuk disemak dan mengenalpasti kekosongan di SK yang dipohon. Sekiranya ada kekosongan dan rekod keputusan di SJKC memang menunjukkan prestasi rendah, pihak PPD akan membuat satu surat permohonan ke JPN untuk mendapatkan kelulusan pertukaran aliran bahasa pengantar. Pihak JPN akan membuat kelulusan untuk murid SJKC Tahun 1 hingga Tahun 6 bagi murid bumiputera. Namun begitu, berbeza dengan murid yang berbangsa Cina, pihak JPN cuma boleh membuat kelulusan untuk murid Tahap satu iaitu untuk Tahun 1 hingga Tahun 3. Murid tahap dua, kelulusan pertukaran aliran bahasa pengantar cuma boleh dibuat oleh pihak KPM. Jika kelulusan di peringkat KPM sudah diterima, pihak JPN akan menghantar kelulusan ke PPD yang terlibat. PPD yang terlibat akan mengeluarkan satu surat iringan kelulusan pertukaran aliran bahasa pengantar untuk ibu bapa serta SK dan SJKC yang terlibat. Proses ini agak mengambil masa yang lama sekurang-kurangnya dua minggu dan sekiranya melibatkan KPM, biasanya akan mengambil masa sebulan sehingga tiga bulan.

Cadangan Kajian

Antara cara bagi meringankan beban guru dalam fasa pandemik ini adalah dengan penyediaan bahan pengajaran efektif secara rakaman untuk sesi pengajaran yang dijalankan oleh guru berpengalaman dan cemerlang. Seterusnya, rakaman tersebut boleh diedarkan kepada sekolah-sekolah di Malaysia atau diletakkan di media sosial KPM sendiri. Dengan cara ini, tugas guru lebih tertumpu kepada membimbing pelajar dan mampu memberi perhatian dalam proses pembentukan kemenjadian murid. Bagi menyelesaikan masalah capaian internet di pendalaman dan keluarga kurang kemampuan untuk memiliki komputer riba dan telefon pintar, KPM perlu memperkasa semula TV pendidikan dan bekerjasama dengan stesen penyiaran tempatan untuk menyiarkan rakaman setiap mata pelajaran yang boleh diulang siar 24 jam.

Dalam masa yang sama, pihak KPM mungkin perlu memikirkan semula prosedur yang ditetapkan berkaitan dengan permohonan pertukaran Aliran Bahasa Pengantar dari mana-mana Sekolah Jenis Kebangsaan sama ada bahasa Cina atau bahasa Tamil bagi memastikan tiada keciciran berlaku kesan daripada proses yang terlalu panjang dan timbul keadaan sehingga menyebabkan ibu bapa merasakan ketidakcekapan pihak berkaitan yang terlibat dalam proses ini.

Selain itu, kajian pada masa akan datang mungkin boleh memfokuskan kepada punca trend ibu bapa bumiputera sekarang lebih berminat untuk mendaftarkan anak bersekolah di sekolah jenis kebangsaan berbanding sekolah kebangsaan tanpa memikirkan kesan kepada anak terutama sekali kepada anak yang agak lemah dalam pembelajaran. Hasil dapatan kajian ini mungkin boleh digunakan oleh pihak berkaitan mengenalpasti bagaimana untuk mengatasi kadar pertukaran aliran bahasa pengantar yang kian meningkat dari sehari ke sehari. Dalam masa yang sama, kajian mendalam dalam bidang ini mungkin akan dapat membantu anak-anak yang mungkin akan terkesan dengan tindakan ibu bapa yang tidak memikirkan bebanan yang akan dihadapi oleh anak-anak semasa membuat pilihan mendaftar sekolah anak dari awal lagi.

Kesimpulan Kajian

Kesimpulannya, berdasarkan penyelidikan yang dijalankan penggunaan komunikasi dua hala berbantuan visualisasi telah memberi kelas yang positif dalam meningkatkan kefahaman murid untuk topik yang dikaji. Keseluruhan murid menunjukkan peningkatan dalam ujian pos yang dijalankan setelah mengaplikasikan teknik yang dipilih. Kajian ini telah dapat menjelaskan objektif kajian iaitu mengenalpasti faktor perpindahan murid dari SJKC ke Sk di daerah Sibu dan mengenalpasti pola hubungan ibubapa dan anak-anak semasa pandemik COVID-19 di SJKC. Diharapkan supaya pengenalpastian faktor perpindahan ini dapat memberi impak positif kepada anak-anak mereka selepas membuat pertukaran aliran ke sekolah aliran Bahasa Melayu. Dalam masa yang sama perubahan ini akan membawa transformasi dalam pendidikan umumnya terhadap proses pengajaran dan pembelajaran kerana semua murid berhak mendapatkan pendidikan yang sempurna walaupun dalam musim pandemik.

Rujukan

- Ab Ghani, Rohani. 2021. Pandemik COVID-19 Dan Norma Baru Dalam Pendidikan Di Malaysia.
- Amini, N. A. 2020. Dampak Pandemi COVID-19 Terhadap Sektor Pendidikan Terutama Bagi Pelajar.
- Anto, Rusdi. 2018. Teori-Teori Sosiologi Hukum Fungsional Struktural.
- Creswell, J. W., & Creswell, J. D. 2017. *Research Design: Qualitative, Quantitative, And Mixed Methods Approach*. Sage Publications.
- Deng, J., Deng, Y., & Cheong, K. H. 2021. Combining Conflicting Evidence Based on Pearson Correlation Coefficient and Weighted Graph. *International Journal of Intelligent Systems*, 36(12), 7443-7460. <https://doi.org/10.1002/Int.22593>
- Dharmalingam, G., M., S., & Rajanthiran, R., S., P. 2019. Implikasi Status Sosioekonomi Keluarga Dan Persekitaraan Terhadap Keciciran Murid India Kajian Kes Di Puchong. *International Journal of Education, Psychology and Counseling* 4 (33): 284-297.
- El Said, G. R. 2021. How Did The COVID-19 Pandemic Affect Higher Education Learning Experience? An Empirical Investigation of Learners' Academic Performance at A University in A Developing Country. *Advances in Human Computer Interaction 2021*.
- Gregar, J. 1994. Research Design (Qualitative, Quantitative and Mixed Methods Approaches). *Book Published by SAGE Publications*, 228.
- Holden, M. T., & Lynch, P. 2004. Choosing the Appropriate Methodology: Understanding Research Philosophy. *The Marketing Review*, 4(4), 397-409.
- Junaidi, R., & Susanti, F. 2019. Pengaruh Gaya Kepemimpinan Dan Budaya Organisasi Terhadap Kinerja Pegawai Pada UPTD Baltekkomdik Dinas Pendidikan Provinsi Sumatera Barat.

- Ngien, M. M., & Ching, T. H. 2016. Learning Chinese Language in SJK (C): A Case Study of Bumiputera Students in Sarawak. *Journal of Chinese Literature and Culture 馬大華人文學與文化學刊* 4(1): 63-84.
- Pandemik COVID-19 Di Malaysia. 2021. Retrieved June 20, 2021, from Wikipidea Ensiklopedia Bebas.
- Paul, J., & Criado, A. R. 2020. The Art of Writing Literature Review: What Do We Know and What Do We Need to Know. *International Business Review*, 29(4): 101717.
- Saidi, Z. A., Sino, H., & Othman, N. K. 2018. Taraf Pendidikan Dan Sosio Ekonomi Penduduk Di Kampung Sungai Budor, Kelantan Darul Naim (Characteristic of Education and Socio-Economic Population at Sungai Budor Village, Kelantan Darul Naim). *E-Bangi* 15(3).
- Saputri, R. D. 2018. Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Pemilihan Sekolah Dasar Dalam Mendukung Kota Surakarta Layak Anak.
- Shaw, S. T., Spink, K., & Chin-Newman, C. 2019. "Do I Really Belong Here?": The Stigma of Being A Community College Transfer Student at A Four-Year University. *Community College Journal of Research and Practice*, 43(9), 657660.
- Subhi, I. 2020. Urgensi Upaya Menjaga Mutu Pembelajaran Di Tengah Pandemi COVID-19. *Edification Journal: Pendidikan Agama Islam*, 3(1), 35-56.
- Subra, TH., Abdullah, M., A., I., & Devi, K. 2019. Pengaruh Sosioekonomi Keluarga Terhadap Keciciran Pelajar-Pelajar India: Kajian Kes Di Daerah Kuala Muda Kedah. *International Journal*, 2(9): 77-91.
- Sukamolson, S. 2007. Fundamentals of Quantitative Research. *Language Institute Chulalongkorn University*, 1: 2-3.
- Sukmaniar, S., Romli, M. E., & Sari, D. N. 2018. Faktor Pendorong Dan Penarik Migrasi Pada Mahasiswa Dari Desa Untuk Kuliah Di Kota Palembang. *Demography Journal of Sriwijaya (Dejos)*, 1(2), 1-10.
- Sullivan, A. (2021). *2020 Impact Report the Internet Is A Lifeline*. USA: Internetsociety.Org.
- Sumetra P, Roshan C. (2021). *A Literature Review on Impact Of COVID-19 Pandemic on Teaching and Learning*. Retrieved June 20, 2021, From SAGE Journals: <https://journals.sagepub.com/doi/full/10.1177/2347631120983481>
- Thannimalai, T., & Baloh, S. (2021). Cabaran PDPR Bahasa Tamil Di Sekolah Luar Bandar [Challenges of Tamil Language PDPR In Rural Schools]. *Muallim Journal Social Sciences and Humanities* 183-190.
- Wahab, N. A., Muhamad, N., & Ismail, M. S. (2019). Pengesahan Instrument Pengukuran Masalah Disiplin Yang Berlaku Dalam Kalangan Pelajar Islam: Analisis Penerokaan Faktor (EFA) [Validity and Reliability of The Instrument Disciplinary Problem Among Student: Exploratory Factor Analysis (EFA)]. *Jurnal Islam Dan Masyarakat Kontemporari*, 20(3): 1-7.
- Wolfe, B. A. (2018). Introductory Geosciences at The Two-Year College: Factors That Influence Student Transfer Intent with Geoscience Degree Aspirations. *Journal of Geoscience Education*, 66(1), 36-54.
- Zulkefli, N., & Mustapha, Z. (2017). Remaja Daripada Ibu Bapa Yang Bercerai Di Malaysia: Suatu Penelitian Ekspresi Emosi. *Geografia-Malaysian Journal of Society and Space*, 12(9).